

Hasil kelapa sawit modal belajar

KOSMO/15/9/06 (MS 4)

Oleh SUHANA YUSOP

suhanayusop@kosmo.com.my

SHAH ALAM - Walaupun tidak mendapat pinjaman untuk membiayai pengajiannya, Norpazah Ali Yahad, 22, tetap berjaya mendapat segulung diploma dalam bidang Pengajian Perniagaan.

Malah, sepanjang tiga tahun pengajiannya di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Samarahan, Sarawak, segala perbelanjaannya ditanggung keluarga hasil jualan kelapa sawit.

Bapanya, Ali Yahad Sahran, 56, dan ibunya, Wasinah Paijan, 51, merupakan peneroka Felda Semencu di Kota Tinggi.

Semalam, Norpazah menerima diploma daripada Pro Canselor UiTM, Tan Sri Dr. Abdul Rahman Arshad pada sidang kelima Konvokesyen Ke-64 UiTM.

Mengimbas kembali detik sepanjang pengajiannya, Norpazah dirundung rasa bersalah setiap kali mahu meminta wang perbelanjaan daripada ibu bapanya.

"Tidak sampai hati untuk meminta wang tetapi apakan daya saya tidak dapat pinjaman. Mereka terpaksa berjimat untuk saya," katanya.

Dia pernah terdorong berhenti belajar tetapi ditentang oleh bapanya yang meletak harapan kepadanya untuk mengubah nasib keluarga.

Wasinah pula menyifatkan kejayaan anaknya itu balasan terhadap segala pengorbanan yang mereka lakukan.

"Setiap kali musim mengutip buah, mak cik akan simpan duit untuk adik (Norpazah), takut bila dia minta tak ada duit pula.

"Hari ini mak cik rasa segalanya berbaloi dan berharap dia dapat menolong adik-adiknya pula," katanya.

Sidang kelima dan keenam konvokesyen Ke-64 semalam membabitkan 2,006 graduan Diploma Pengajian Perniagaan, Pengurusan Bank, Analisis Pelaburan, Insuran dan Pengangkutan.



NORPAZAH berkongsi kegembiraan dengan ibu bapanya selepas menerima ijazahnya di UiTM Shah Alam semalam.